

PENGARUH KETIDAKAKURAN SIVIL TERHADAP PROFESIONALISME ANGGOTA PDRM

**Zainudin Hj Ahmad
Fatimah wati Halim**

ABSTRACT

Polis Diraja Raja Malaysia (PDRM) is the biggest law enforcement organization in the nation. Therefore, professionalism characteristics are emphasized in job tasks. However, since the year 2005 to 2011 SUHAKAM received 569 reports related to civil non-compliance among PDRM officers that affected PDRM's professionalism. In relation to that, this study aimed to identify the validity of the claim that civil non-compliance factor affects the professionalism of PDRM's officers. A total of 223 respondents were selected purposively around the area of Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang, Selangor administration. Civil non-compliance questionnaire and professionalism questionnaire were established by the researchers based on community's reports to SUHAKAM, Smith's (2004) theory of civil non-compliance, Nayman's (1973) professionalism model and PDRM's codes of ethics. Regression analysis results showed that delay in action and power abuse, except excessive brutality subfactor, are the two civil non-compliance subfactors that influence four subfactors of PDRM professionalism. They are expertise, commitment, autonomy and responsibility. Outcome of this study indicates that delay in action factor and power abuse are the main factors that have to be focused by PDRM to change the negative perception of society towards PDRM professionalism. This study gives an impact that society's belief towards PDRM professionalism can be improved through institutional reinforcement, positive relationship with the community and honesty such as those outlined in the institutional theory. Police officers' communication skill aspect with youth must also be refined. Future research needs to re-examine professionalism and civil non-compliance concepts from the perspective of PDRM officers and its comparison with the youth group.

PENGENALAN

Polis Diraja Raja Malaysia (PDRM) adalah sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang terbesar di negara ini. PDRM diberikan kuasa di bawah undang-undang untuk menjalankan peranan dan tanggungjawabnya seperti yang telah digariskan dengan jelas di bawah Seksyen 3(3) Akta Polis 1967. Peranan dan tanggung jawab PDRM adalah memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-

pesalah serta mengumpul risikan keselamatan. Oleh itu, anggota PDRM mestilah menonjolkan nilai-nilai dan ciri-ciri profesionalisme semasa menjalankan tugas bagi memastikan kuasa yang ada tidak digunakan secara melampaui batas atau melebihi daripada had undang-undang yang dibenarkan.

Menurut laporan tahunan SUHAKAM, sejak tahun 2005 hingga tahun 2011 suruhanjaya tersebut telah menerima sebanyak 569 aduan yang berkaitan dengan ketidakakururan sivil dan yang paling ketara adalah berkaitan aduan orang awam terhadap kelewatan tindakan polis dalam memberikan tindak balas bagi aduan yang dibuat iaitu sebanyak 287 aduan. Faktor kedua adalah berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa sebanyak 160 aduan dan 122 aduan melibatkan kekerasan melampaui tindakan polis. Kesedaran masyarakat tentang hak mereka di sisi undang-undang telah mengakibatkan mereka meluahkan perasaan tidak puas hati melalui badan bukan kerajaan seperti SUHAKAM atau saluran politik. Fenomena ini dikenali sebagai ketidakakururan sivil masyarakat terhadap tindakan anggota polis kerana masyarakat melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap polis dengan membuat aduan kepada pihak-pihak yang mereka percaya boleh mengembalikan hak atau membela mereka. Ketidakakururan sivil telah memberikan kesan negatif terhadap profesionalisme PDRM.

Zawiyah dan Mohammad Agus (2012) menyatakan bahawa ketidakakururan sivil ialah sikap penentangan oleh masyarakat terhadap kerajaan atau pegawaiannya disebabkan terdapat perkara tertentu yang berkait dengan rasa tidak puas hati rakyat. Smith (2004) dalam teori ketidakakururan sivil menyatakan, ketidakakururan sivil dilakukan berdasarkan tiga prinsip utama, iaitu apabila sekumpulan masyarakat dikecualikan dalam proses penyertaan awam, apabila pihak yang berkuasa memanipulasi keadaan untuk kepentingan mereka dan apabila kerajaan tidak mendapatkan pandangan masyarakat dalam menggubal dasar awam.

Konsep ketidakakururan sivil dalam kajian ini terdiri daripada kelewatan tindakan, kekerasan melampaui dan penyalahgunaan kuasa yang disesuaikan daripada laporan SUHAKAM dan teori ketidakakururan Smith (2004). **Kelewatan tindakan** disebabkan masyarakat tidak berpuas hati dengan sikap anggota polis yang didakwa selalu dengan sengaja mengambil sikap sambil lewa atau lewat untuk mengambil tindakan terhadap laporan polis yang mereka buat. **Kekerasan melampaui** pula merujuk kepada tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang kali terhadap orang lain secara individu atau kumpulan. **Tingkah laku agresif** boleh jadi dalam bentuk fizikal atau lisan yang boleh menyebabkan kecederaan atau ketidakselesaan atau kesakitan terhadap individu lain. Tingkah laku ini termasuklah tindakan seperti mengejek, pemuluan dan memukul. Subfaktor terakhir ketidakakururan sivil adalah penyalahgunaan kuasa. Ianya merujuk kepada sikap dan tingkah laku anggota polis yang bertindak sesuka hati dalam setiap tindakannya untuk kepentingan diri sendiri dengan menganiaya orang lain.

Konsep profesionalisme pula merujuk kepada satu set ciri, pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesi. Ciri-ciri profesionalisme terserlah melalui pengetahuan serta sifat dedikasi terhadap kerja dan tidak mementingkan diri sendiri (Esah 2003). Kajian Fatimah wati Halim (2012) menjelaskan bahawa ciri-ciri pegawai perkhidmatan awam yang tinggi tahap profesionalismenya adalah berkaitan dengan prestasi kerja yang dipamerkan. Di antara ciri/tret faktor personaliti tersebut ialah bertanggungjawab, komitmen yang tinggi dan kepatuhan (kehematian). Faktor kestabilan emosi dan efikasi kendiri pula adalah peramal utama kepada prestasi kerja, implikasinya terhadap tahap profesionalisme yang dipamerkan oleh individu akan berada di tahap yang tinggi.

Menurut Sharifah Hayaati et al. (2009) pula penekanan kepada aspek kualiti ini amat penting apabila pelbagai kes penyalahgunaan kuasa, penipuan, pecah amanah dan kecuaian sering dilaporkan di media massa. Tindakan yang efektif dan berkesan bagi menangani isu ini seharusnya menggunakan pendekatan profesionalisme dalam pengurusan. Nilai dan identiti yang bersih dan profesional serta pengurusan yang efektif amat penting bagi memastikan kewibawaan PDRM diyakini masyarakat.

Hedderdof (1971) pula mendefinisikan, profesionalisme sebagai satu nilai yang murni jika individu itu mengamalkan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi dan tidak mementingkan diri atau suka memilih pekerjaan. Pelaksanaan tugas dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tidak terlalu berkira dalam menjalankan tugas. Adams (2005) menyatakan bahawa konsep profesionalisme ini digunakan dalam semua bidang pekerjaan. Profesionalisme dalam perkhidmatan polis membawa maksud bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam organisasi tetapi turut memainkan peranan penting dalam menangani keperluan organisasi daripada segi etika dan kepimpinan.

Sehubungan itu, konsep profesionalisme dalam kajian ini adalah merujuk kepada Kod Etika PDRM dan disesuaikan dengan konsep profesionalisme yang diperkenalkan oleh Nayman (1973). Terdapat empat subfaktor profesionalisme yang diukur dalam kajian ini iaitu kepakaran, autonomi, komitmen dan bertanggungjawab. Berikut adalah huraianya dengan lebih terperinci. **Kepakaran** adalah berasaskan kepercayaan bahawa ilmu yang khusus dan kebolehan adalah keperluan penting bagi seseorang profesional untuk berfungsi dengan berkesan. Kepakaran diperoleh melalui pendidikan dan pengalaman. Kepakaran menurut istilah PDRM adalah nilai-nilai unggul iaitu cemerlang. **Autonomi** pula menurut istilah PDRM ialah setia dan berdisiplin iaitu setiap warga PDRM wajib menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara, kerajaan dan pucuk pimpinan manakala berdisiplin pula ialah setiap warga PDRM wajib mengutamakan disiplin diri dan tugas pada setiap masa dengan tekun, tabah dan beramanah. Seterusnya, **komitmen** adalah menurut istilah PDRM adalah prihatin dan mesra iaitu setiap warga PDRM akan sentiasa

memberikan perkhidmatan dengan mesra, cepat dan betul serta terkini dan mengutamakan hak dan kepentingan masyarakat. Akhir sekali **bertanggungjawab** menurut istilah PDRM ialah berwibawa iaitu setiap warga PDRM wajib melaksanakan segala kewajipan dengan jujur, tegas, berani, adil dan saksama.

Kajian Hisan (2006), menyatakan tingkah laku tidak beretika seterusnya menghasilkan pegawai polis yang bersikap tidak bertanggungjawab, tidak menjaga integriti profesion dan standard cemerlang dalam menjalankan tugas. Akibatnya, PDRM menjadi tidak efisien dan efektif. Masyarakat akan beranggapan bahawa pihak polis kini tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas dan persepsi yang sedemikian menjadi bertambah buruk dengan paparan imej buruk di dada akhbar. Kewibawaan dan kredibiliti organisasi PDRM dalam memikul tanggungjawab terhadap masyarakat terjejas kerana integriti yang rendah. Keadaan ini boleh mewujudkan sebuah pasukan yang menyalahgunakan kuasa dan tidak mementingkan objektif, visi dan misi PDRM. Cervero (1988) turut menjelaskan bahawa keberkesanannya tugas berkait rapat dengan pandangan masyarakat atau penilaian masyarakat terhadap tahap profesionalisme anggota polis. Dengan cara ini jurang ketidakakururan sivil terhadap polis dapat dikurangkan dan ini dapat membantu menghakis perasaan tidak puas hati masyarakat seterusnya boleh mengekalkan profesionalisme dalam Polis Diraja Malaysia. Tingkah laku kerja seperti tekun, khusyuk, ikhlas, konsisten dan amanah adalah sangat berkait rapat dengan nilai profesionalisme.

Oleh itu, sebagai anggota sebuah pasukan yang profesional, anggota polis mesti mempunyai iltizam untuk menghindari penyalahgunaan kuasa, kelewatian dan tingkah laku agresif. Di samping itu berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat supaya dapat mengangkat profesionalisme anggota polis dalam menjalankan tanggungjawabnya. Masyarakat sering kali membincangkan profesionalisme Polis Diraja Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Banyak rungutan yang menuntut supaya anggota polis lebih profesional dalam mengambil sebarang tindakan semasa mereka menjalankan tugas. Sebagai sebuah badan penguatkuasaan undang-undang terulung negara, masyarakat mendambakan perkhidmatan kelas pertama yang berkualiti sepertimana yang telah diamalkan di negara maju. Oleh itu, sudah tentu PDRM menjadi sasaran kritikan apabila mereka merasakan PDRM tidak dapat memenuhi hasrat yang mereka hajati.

Justeru persepsi masyarakat terhadap ketidakakururan sivil dalam kalangan anggota PDRM perlu diberikan perhatian serius, supaya profesionalisme Polis Diraja Malaysia berada di tahap yang tinggi.

Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh ketidakakururan sivil terhadap profesionalisme dalam PDRM. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah profesionalisme anggota PDRM yang terdiri daripada faktor kepakaran, autonomi, komitmen dan bertanggungjawab. Pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah

ketidakakuran sivil yang terdiri daripada faktor kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa.

METOD KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kuantitatif. Data dikumpulkan berdasarkan soal selidik. Subjek kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan iaitu masyarakat yang tinggal di kawasan pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang, Selangor. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian. Bahagian A mengandungi tujuh item berkaitan maklumat demografi, Bahagian B dan C mengandungi 20 item mengukur profesionalisme dan 15 item mengukur ketidakakuran sivil anggota polis. Soal selidik ketidakakuran sivil dan profesionalisme dibina sendiri oleh penyelidik berasaskan aduan masyarakat kepada SUHAKAM dan teori ketidakakuran sivil Smith (2004) dan model profesionalisme Nayman (1973) serta kod etika PDRM. Terdapat tiga faktor utama yang mengukur ketidakakuran sivil iaitu kelewatan mengambil tindakan terhadap laporan yang dibuat, penggunaan kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa oleh anggota pasukan itu. Faktor profesionalisme pula mengandungi empat faktor utama iaitu kepakaran, autonomi, komitmen dan bertanggungjawab. Setiap item diukur menggunakan skala pemeringkatan 1 hingga 10. Sejumlah 300 borang telah diedarkan kepada responden namun hanya 223 borang berjaya dikumpulkan semula. Subjek terdiri daripada pelbagai latar belakang, status dan peringkat umur. Data yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20 for windows*. Kaedah statistik deskriptif dan inferensi (regresi) digunakan dalam kajian ini.

KEPUTUSAN

Bahagian keputusan akan melaporkan analisis frekuensi pemboleh ubah demografik, analisis deskriptif pemboleh ubah ketidakakuran sivil dan profesionalisme anggota PDRM dan analisis regresi pengaruh tiga faktor ketidakakuran sivil terhadap empat faktor profesionalisme anggota PDRM.

Analisis frekuensi demografik

Hasil analisis frekuensi demografi terhadap jantina mendapati bilangan subjek perempuan adalah 147 orang, manakala subjek lelaki seramai 76 orang iaitu perbezaan seramai 71 orang. Berdasarkan analisis populasi umur subjek kajian, kelompok yang paling ramai terlibat dalam kaji selidik ini adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur 18 hingga 29 tahun iaitu mewakili 122 orang (54 %). Peringkat umur ini juga dikategorikan sebagai kelompok yang masih menuntut sama ada di kolej maupun

universiti. Kelompok kedua teramai ialah mereka yang berumur antara 30 tahun hingga 39 tahun yang mewakili 41 orang (18.4 %). Umur antara 40

Jadual 1 Taburan subjek kajian mengikut jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan.

Maklumat Responden		Bilangan	Peratus (Orang)
Jantina	Lelaki	76	34.1
	Perempuan	147	65.9
	Jumlah	223	100
Umur	18-29 Tahun	122	54.7
	30-39 Tahun	41	18.4
	40-49 Tahun	39	17.5
	>50 Tahun	21	9.4
	Jumlah	223	100
Bangsa	Melayu	204	91.5
	Cina	9	4.0
	India	8	3.6
	Lain-lain	2	0.8
	Jumlah	223	100
Agama	Islam	205	91.9
	Buddha	5	2.2
	Hindu	9	4.0
	Kristian	4	1.8
	Jumlah	223	100
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	46	18.8
	Kolej/ Universiti	181	81.2
	Jumlah	223	100
Pekerjaan	Tidak Bekerja	11	4.9
	Penuntut/Pelajar	76	34.1
	Sektor Awam	79	34.1
	Sektor Swasta	44	19.7
	Kerja Sendiri	13	5.8
	Jumlah	223	100
Pendapatan Sebulan	Tiada Pendapatan	76	34.1
	<RM1000	12	5.4
	RM1001-RM1999	43	19.2
	RM2000-RM4999	57	25.6
	>RM5000	35	15.7
		Jumlah	223
			100

tahun hingga 49 tahun adalah 39 orang (17.5 %) manakala umur 50 tahun ke atas seramai 21 orang iaitu bersamaan dengan 9.4 (%). Berdasarkan analisis terhadap pekerjaan pula mendapat jumlah mereka yang bekerja di sektor awam sama banyak dengan yang masih menuntut di kolej dan universiti iaitu mewakili 76 orang (34.1%) bagi setiap segmen menjadikan jumlahnya 156 orang (68.2%). Sementara itu, pekerja sektor swasta 19.7 peratus (44 orang), 5.8 peratus (13 orang) bekerja sendiri manakala 4.9 peratus tidak bekerja (11 orang). Majoriti subjek kajian ini terdiri daripada individu yang tiada berpendapatan iaitu seramai 76 orang (34.1%) yang mewakili kelompok pelajar yang masih menuntut di kolej/universiti. Hasil frekuensi demografi terhadap bangsa pula mendapat bangsa Melayu mendominasi kajian dengan 91.5 peratus (205 orang) yang menjadi responden dalam kajian ini mengatasi bangsa-bangsa lain yang tidak melebih 10 peratus. Maklumat ringkas taburan subjek kajian mengikut jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan seperti di Jadual 1.

Analisis Deskriptif Tahap Ketidakakuruan Sivil dan Profesionalisme

Merujuk kepada Jadual 2, analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min tiga faktor ketidakakuruan sivil terhadap tindakan polis bagi aspek kelewatan tindakan adalah 25.13, kekerasan melampau 24.34 dan penyalahgunaan kuasa 25.00. Secara keseluruhannya kesemua nilai min tersebut menunjukkan ketiga-tiga faktor ketidakakuruan sivil adalah cenderung rendah. Keputusan tersebut mentaksirkan bahawa masyarakat secara purata menilai polis sebagai cepat bertindak, tidak melakukan kekerasan melampau dan tidak menyalahgunakan kuasa dalam menjalankan tugas. Analisis deskriptif untuk empat faktor profesionalisme anggota polis pula menunjukkan nilai min kepakaran 32.30, autonomi 31.78, komitmen adalah 30.76 dan tanggungjawab 30.60. Secara keseluruhannya kesemua nilai min tersebut menunjukkan keempat-empat faktor profesionalisme anggota PDRM adalah cenderung tinggi. Hasil analisis tersebut mentaksirkan bahawa masyarakat menilai anggota polis sebagai profesional dalam mengadaptasi kepakaran mereka, menggunakan autonomi sesuai pada tempatnya dalam kebanyakan hal, memberi komitmen yang baik dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Jadual 2:Nilai minimum, maksimum, min, sisihan piawai dan tahap faktor-faktor ketidakakuran sivil dan profesional anggota polis

Faktor Ketidakakuran Sivil	Minimun	Maksimum	Median	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kelewatan Tindakan	8	49	28.5	25.13	7.55	Cenderung Rendah
Kekerasan Melampau	5	45	25	24.34	8.10	Cenderung Rendah
Penyalahgunaan Kuasa	5	49	27	25	9.05	Cenderung Rendah
Faktor Profesionalisme Anggota Polis						
Kepakaran	11	49	30	32.30	8.05	Cenderung Tinggi
Autonomi	11	49	30	31.78	7.58	Cenderung Tinggi
Komitmen	11	50	30.5	30.76	8.65	Cenderung Tinggi
Tanggungjawab	10	50	30	30.60	8.36	Cenderung Tinggi

Analisis regresi Ketidakakuran Civil Terhadap Profesionalisme Anggota Polis

Keputusan analisis regresi akan melaporkan pengaruh tiga faktor ketidakakuran civil iaitu kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa terhadap empat faktor profesionalisme polis iaitu kepakaran, autonomi, komitmen dan tanggungjawab.

Analisis regresi Ketidakakuran Civil Terhadap Profesionalisme (Kepakaran)

Keputusan analisis regresi metod enter dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhan ketiga-tiga faktor ketidakakuran civil secara bersama mempengaruhi profesionalisme kepakaran polis secara signifikan

[$F(3, 219) = 16.25, k < .05$] dengan sumbangan nilai varian ($R^2 = .182$) sebanyak 18.2 peratus. Namun begitu hanya faktor ketidakakuruan sivil kelewatan tindakan ($\beta = -.16, k < .05$) dan penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.40, k < .05$) secara bersendirian mempengaruhi terhadap profesionalisme kepakaran polis secara signifikan. Sebaliknya, kekerasan melampau ($\beta = .10, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kepakaran polis. Hasil analisis regresi stepwise dalam Jadual 3 pula menunjukkan secara signifikan faktor penyalahgunaan kuasa dan kelewatan tindakan [$F(2, 220) = 23.85, k <.05$] menyumbang sebanyak 17.8 peratus varian ($R^2 = .178$) terhadap tahap profesionalisme kepakaran polis. Hal ini menjelaskan bahawa ketidakakuruan sivil bagi penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.34, k < .05$) dan kelewatan tindakan polis ($\beta = -.14, k < .05$) yang tinggi merupakan peramal utama yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme kepakaran polis yang rendah.

Jadual 3 Keputusan analisis regresi metod enter dan stepwise pengaruh ketidakakuruan sivil kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa dengan tahap profesionalisme kepakaran polis.

Peramal				
Ketidakakuruan SivilProfesionalisme Kepakaran				
Analisis regresi enter	B	t	k	
Kelewatan tindakan		-.16	-2.19*	.030
Kekerasan Melampau		.10	1.03	.306
Penyalahgunaan Kuasa		-.40	-4.35*	.000
R^2		.182		
Nilai F (3, 219)		16.25		
Analisis regresi stepwise	B	t	k	
Penyalahgunaan kuasa		-.34	-4.82*	.000
Kelewatan tindakan		-.14	-1.99*	.048
R^2		.178		
Nilai F (2,220)		23.85		

Pemboleh ubah Terikat: Kepakaran

* $k < 0.05$

Analisis regresi Ketidakakururan Civil Terhadap Profesionalisme (Autonomi)

Keputusan analisis regresi metod enter dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhan ketiga-tiga faktor ketidakakururan civil secara bersama mempengaruhi profesionalisme autonomi polis secara signifikan [$F(3, 219) = 16.31, k < .05$] dengan sumbangan nilai varian ($R^2 = .183$) sebanyak 18.3 peratus. Namun begitu, hanya faktor ketidakakururan civil penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.49, k < .05$) secara bersendirian menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme autonomi polis. Sebaliknya, ketidakakururan civil kelewatan tindakan ($\beta = -.07, k > .05$) dan kekerasan melampau didapati ($\beta = .15, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme autonomi polis. Hasil analisis regresi stepwise pula menunjukkan secara signifikan faktor penyalahgunaan kuasa [$F(2, 220) = -.42, k < .05$] menyumbang sebanyak 17.2 peratus varian ($R^2 = .172$) terhadap tahap profesionalisme autonomi polis. Hal ini menjelaskan bahawa ketidakakururan civil bagi penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.42, k < .05$) yang tinggi merupakan peramal utama yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme autonomi polis yang rendah.

Jadual 4 Keputusan analisis regresi metod enter dan stepwise pengaruh ketidakakururan civil kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa terhadap tahap profesionalisme autonomi polis.

Peramal Ketidakakururan Civil	Profesionalisme Autonomi		
Analisis regresi enter	β	t	k
Kelewatan tindakan	-.07	-.98	.331
Kekerasan Melampau	.15	1.60	.110
Penyalahgunaan Kuasa	-.49	-5.37*	.000
R^2		.183	
Nilai F (3, 219)		16.31	
Analisis regresi stepwise	β	t	k
Penyalahgunaan kuasa	-.42	-.6.77*	.000
R^2		.172	
Nilai F (2,220)		45.86	

Pemboleh ubah Terikat: Autonomi *k < 0.05

Analisis regresi Ketidakakuruan Sivil Terhadap Profesionalisme (Komitmen)

Keputusan analisis regresi metod enter dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa secara keseluruhan ketiga-tiga faktor ketidakakuruan sivil secara bersama mempengaruhi profesionalisme komitmen polis secara signifikan [$F(3, 219) = 18.35, k < .05$] dengan sumbangan nilai varian ($R^2 = .201$) sebanyak 20.1 peratus. Namun begitu, hanya faktor ketidakakuruan sivil penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.35, k < .05$) dan kelewatan tindakan ($\beta = -.20, k < .05$) menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme komitmen polis. Sebaliknya, ketidakakuruan sivil kekerasan melampau didapati ($\beta = .05, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme komitmen polis. Hasil analisis regresi stepwise pula menunjukkan secara signifikan faktor penyalahgunaan kuasa dan kelewatan tindakan [$F(2, 220) = .27.48, k < .05$] menyumbang sebanyak 20 peratus varians ($R^2 = .20$) terhadap tahap profesionalisme komitmen polis. Hal ini menjelaskan bahawa ketidakakuruan sivil bagi penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.32, k < .05$) dan kelewatan tindakan ($\beta = -.19, k < .05$) yang tinggi merupakan peramal utama yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme komitmen polis yang rendah.

Jadual 5 Keputusan analisis regresi metod enter dan stepwise pengaruh ketidakakuruan sivil kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa terhadap tahap profesionalisme komitmen polis.

Peramal Ketidakakuruan Sivil	Profesionalisme Komitmen		
Analisis regresi enter	B	t	k
Kelewatan tindakan	-.20	-2.80*	.006
Kekerasan Melampau	.05	.51	.609
Penyalahgunaan Kuasa	-.35	-3.91*	.000
R ²	.201		
Nilai F (3, 219)	18.35		
Analisis regresi stepwise	β	t	k
Penyalahgunaan kuasa	-.32	-4.68*	.00
Kelewatan tindakan	-.19	-2.76*	.00
R ²	.20		
Nilai F (2,220)	27.48		

Pemboleh ubah Terikat: Komitmen

* $k < 0.05$

Analisis regresi Ketidakakuran Sivil Terhadap Profesionalisme (Tanggungjawab)

Keputusan analisis regresi metod enter dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa secara keseluruhan ketiga-tiga faktor ketidakakuran sivil tersebut secara bersama mempengaruhi profesionalisme tanggungjawab polis secara signifikan [$F(3, 219) = 21.33, k < .05$] dengan sumbangan nilai varian ($R^2 = .226$) sebanyak 22.6 peratus. Namun begitu, hanya faktor ketidakakuran sivil penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.36, k < .05$) dan kelewatan tindakan ($\beta = -.20, k < .05$) menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme tanggungjawab polis. Sebaliknya, ketidakakuran sivil kekerasan melampau didapati ($\beta = .03, k > .05$) tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap profesionalisme tanggungjawab polis. Hasil analisis regresi stepwise pula menunjukkan secara signifikan faktor penyalahgunaan kuasa dan kelewatan tindakan [$F(2, 220) = .32.08, k < .05$] menyumbang sebanyak 22.6 peratus varian ($R^2 = .226$) terhadap tahap profesionalisme tanggungjawab polis. Hal ini menjelaskan bahawa ketidakakuran sivil bagi penyalahgunaan kuasa ($\beta = -.35, k < .05$) dan kelewatan tindakan ($\beta = -.20, k < .05$) yang tinggi merupakan peramal utama yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme tanggungjawab polis yang rendah.

Jadual 6 Regresi metod enter dan stepwise pengaruh ketidakakuran sivil kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa terhadap tahap profesionalisme tanggungjawab polis.

Peramal Ketidakakuran Sivil	Profesionalisme Tanggungjawab		
	β	t	k
Kelewatan tindakan	-.20	-2.88*	.004
Kekerasan Melampau	.03	.29	.772
Penyalahgunaan Kuasa	-.36	-4.09*	.000
R²	.226		
Nilai F (3, 219)	21.33		
Analisis regresi stepwise	β	t	k
Penyalahgunaan kuasa	-.35	-5.11*	.000
Kelewatan tindakan	-.20	-2.91*	.004
R²	.226		
Nilai F (2,220)	32.08		

Pemboleh ubah Terikat: Tanggungjawab * $k < 0.05$

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan tahap profesionalisme anggota polis terbahagi kepada empat tahap iaitu profesionalisme dalam aspek kepakaran, autonomi, komitmen dan tanggungjawab. Keputusan analisis mendapatkan tahap profesionalisme polis dalam aspek kepakaran dan autonomi adalah cenderung tinggi. Dapatkan ini menjelaskan bahawa subjek kajian menilai anggota polis sebagai profesional dalam mengadaptasi kepakaran mereka dan menggunakan autonomi sesuai pada tempatnya dalam kebanyakan hal. Hasil kajian ini selari dengan kajian Nayman (1973).

Keputusan bagi profesionalisme polis daripada aspek komitmen dan tanggungjawab juga dinilai cenderung tinggi oleh subjek kajian. Hal yang demikian menjelaskan bahawa secara umumnya subjek kajian menilai dan mempersepsi anggota polis sebagai mereka yang memberikan komitmen yang baik dan bertanggungjawab. Penjawat awam yang mempunyai nilai dan profesionalisme perlu mempunyai ciri-ciri seperti, mempunyai komitmen yang tinggi dan sentiasa bersedia menjalankan tugas, bertanggungjawab dan gigih dalam setiap pekerjaan yang dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, di samping menjamin kualiti, mempunyai kemahiran, kebijaksanaan serta kemampuan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, integriti dari segi objektif, tidak bias dan tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti, Nik Mustapha (2007).

Keputusan analisis deskriptif mendapatkan, subjek kajian menilai dan mempersepsi ketidakakururan sivil bagi kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis adalah cenderung rendah. Oleh itu, subjek kajian menilai anggota polis sebagai cepat bertindak, tidak melakukan kekerasan melampau dan tidak menyalahgunakan kuasa semasa bertugas. Berdasarkan dapatkan kajian, masyarakat berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh anggota polis kepada mereka. Dapatkan ini tidak selari dengan Laporan Tahunan SUHAKAM seperti yang dilaporkan sejak tahun 2006 hingga tahun 2012 berkaitan ketidakakururan sivil bagi kelewatan tindakan, kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa oleh masyarakat terhadap tindakan anggota polis.

Secara umumnya subjek kajian berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh anggota polis kepada mereka. Sebagai sebuah pasukan besar yang bertanggungjawab kepada keselamatan negara, tindakan anggota polis walaupun dilakukan atas kapasiti individu, akan dianggap sebagai tindakan pasukan itu. Oleh itu, secara sedar ataupun tidak setiap perlakuan anggota pasukan yang menyeleweng daripada norma sebenar atau devian akan segera mendapat perhatian daripada media arus perdana dan juga media alternatif kerana dianggap sebagai perlakuan anggota polis secara keseluruhannya. Penyebaran secara meluas berita negatif ini menyebabkan

masyarakat akan mempercayai perbuatan yang dilakukan secara terpencil ini sebagai satu tindakan yang biasa dilakukan oleh anggota polis. Kelewatan pihak polis dalam menafikan berita yang tidak benar juga telah mengakibatkan masyarakat mempercayainya sebagai benar sehingga mendatangkan ketakutan kepada mereka apabila berurusan dengan pihak polis.

Program transformasi kerajaan di bawah NKRA yang dilancarkan sejak tahun 2009 telah berjaya mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap PDRM. Penambahan aset PDRM seperti kenderaan dan alat perhubungan telah memudahkan anggota polis untuk melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang seterusnya dapat menjayakan matlamat kerajaan untuk menurunkan kadar jenayah jalanan yang mendatangkan trauma dan ketakutan berpanjangan kepada anggota masyarakat. Kejayaan ini sudah tentu menjadikan masyarakat berterima kasih kepada anggota polis yang bertungkus-lumus memastikan anggota masyarakat berada dalam keadaan selamat sama ada semasa mereka berada di jalanan mahupun di dalam rumah. Faktor-faktor inilah yang telah mendorong subjek kajian untuk menilai dan mempersepsi anggota polis sebagai cepat bertindak, tidak melakukan kekerasan melampau dan tidak menyalahgunakan kuasa semasa bertugas.

Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan faktor penyalahgunaan kuasa adalah faktor pertama dan diikuti dengan faktor kelewatan tindakan yang mempengaruhi kepakaran, komitmen dan bertanggungjawab manakala bagi faktor autonomi hanya faktor penyalahgunaan kuasa sahaja yang signifikan. Sementara itu bagi kekerasan melampau, keputusannya menunjukkan tidak signifikan untuk mempengaruhi kesemua item profesionalisme anggota polis.

Faktor Penyalahgunaan Kuasa

Hasil kajian mendapati ketidakakururan sivil bagi penyalahgunaan kuasa yang tinggi merupakan peramal utama yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme kepakaran, autonomi, komitmen dan tanggungjawab polis yang rendah. Hal yang demikian disebabkan oleh masyarakat beranggapan sebagai anggota pasukan badan beruniform yang dibekalkan dengan kuasa dan dilindungi undang-undang, anggota polis dalam melaksanakan tugasnya mesti bertindak keras dan ganas terhadap orang awam. Persepsi masyarakat terhadap tindakan polis mesti diperbetulkan kerana ketika berhadapan dengan penjenayah yang bersifat ganas, pihak polis mesti mengambil tindakan yang betul untuk menanganinya tetapi dalam keadaan biasa pendekatan pihak polis sebagai anggota pasukan beruniform ialah mengambil tindakan secara tegas bagi memastikan masyarakat mematuhi undang-undang.

Anggota polis trafik misalnya mempunyai peranan yang besar dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap PDRM kerana mereka adalah barisan hadapan dalam pasukan polis yang berurusan dengan

masyarakat. Oleh itu, anggota polis trafik mesti menjalankan tugas dengan profesional ketika berhadapan dengan pemandu yang kadang kala mencabar kesabaran serta sengaja menghalang tugas polis. Pada masa yang sama, orang ramai juga perlu memahami tugas anggota polis dan bersedia memberikan kerjasama termasuk menunjukkan kad pengenalan dan lesen memandu sekiranya ditahan kerana melakukan kesalahan lalu lintas. Terdapat segelintir pemandu di negara ini yang suka mencabar kewibawaan anggota polis sekiranya ditahan kerana melakukan kesalahan lalu lintas. Untuk itu, anggota trafik perlu lebih profesional dalam menangani situasi seperti ini dengan menjelaskan kepada pemandu tentang tugas dan tanggungjawab yang mereka jalankan sebagai anggota polis. Sikap segelintir anggota polis trafik yang tidak dapat menahan emosi dan mengambil tindakan secara tidak profesional terhadap pemandu yang ingkar dan melanggar peraturan telah menyebabkan masyarakat menganggap polis telah menyalahgunakan kuasa dalam penugasannya.

Faktor kelewatan tindakan

Hasil kajian mendapati ketidakakururan sivil bagi kelewatan tindakan juga merupakan peramal yang menyebabkan subjek kajian ini menilai tahap profesionalisme kepakaran, komitmen dan tanggungjawab polis yang rendah. Perkhidmatan kaunter di balai polis adalah penting kerana tempat orang ramai membuat aduan atau laporan polis kerana terlibat dalam kemalangan ataupun menjadi mangsa jenayah. Anggota yang bertugas di kaunter mesti memahami bahawa majoriti orang ramai yang datang mengharapkan pihak polis dapat menyelesaikan masalah mereka. Oleh itu, anggota yang bertugas di kaunter mestilah mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik supaya dapat meredakan perasan takut, gusar dan tidak tenteram akibat tekanan perasaan kerana menjadi mangsa jenayah ataupun kemalangan. Sikap tidak profesional anggota bertugas yang tidak memberikan layanan yang sepatutnya, malah menunjukkan sikap sambil lewa semasa bertugas kerana bersempang dan bergurau sesama sendiri menambahkan perasaan ketidakakururan sivil masyarakat terhadap profesionalisme anggota polis.

Dewasa ini banyak aduan diterima yang mendakwa pihak polis lambat sampai di tempat kejadian apabila berlaku jenayah seperti samun walaupun panggilan kecemasan telah dibuat berulang kali. Kedudukan balai polis yang jauh, kawasan pentadbiran yang luas, kekurangan anggota dan faktor psikologi adalah perkara yang sepatutnya dibincangkan untuk mencari jalan penyelesaian ketidakakururan sivil masyarakat bagi faktor kelewatan tindakan. Anggota polis yang sampai di tempat kejadian pula perlu bijak dalam menangani isu ini. Mereka perlu memberikan penjelasan kepada masyarakat berlandaskan buku daftar menerima maklumat dan tempoh masa mereka sampai di tempat kejadian. Sekiranya lewat sampai, mereka mesti mengemukakan alasan yang munasabah seperti terdapat kes

lain yang perlu diberikan keutamaan dalam siasatan. Pengadu dalam aduannya sering kali memaklumkan kepada pihak polis tentang orang yang disyaki terlibat dalam perlakuan jenayah, namun mereka berasa tidak puas hati kerana pihak polis tidak menangkap orang yang disyaki dengan segera. Pihak polis mesti menjelaskan kepada pengadu bahawa setiap laporan yang dibuat mesti disiasat terlebih dahulu untuk mengesahkan kejadian jenayah benar-benar berlaku, kecuali bagi kes jenayah kekerasan atau samun yang berlaku di hadapan mata dan tangkapan segera terus dilakukan. Hal ini bertujuan untuk memberikan keadilan kepada semua pihak dan mengelakkan penganiayaan kepada orang tidak bersalah.

Kelewatan pihak polis memaklumkan perkembangan kes juga telah menyebabkan masyarakat mendakwa pihak polis tidak profesional dalam menyiasat kes mereka. Masyarakat sebenarnya perlu diperjelaskan bahawa dalam proses siasatan pihak polis perlu melalui proses yang ketat sebelum dapat membuat keputusan berkaitan kes yang disiasat. Dalam hal ini, bagi melengkapkan siasatan, pihak polis perlu juga merujuk kes mereka kepada pakar dalam bidang berkaitan seperti Jabatan Kimia dan Jabatan Forensik serta pihak-pihak lain yang berkenaan. Oleh itu, sebelum sesuatu kes diputuskan pihak polis perlu mendapatkan keputusan laporan daripada jabatan tersebut bagi melengkapkan siasatan dan memastikan penjenayah tidak dibebaskan oleh mahkamah akibat kekurangan bukti. Sekiranya pihak-pihak berkaitan lewat mengemukakan laporan siasatan mereka, sudah tentu hal ini mempengaruhi kelewatan siasatan polis dan keputusan kes tidak akan diperoleh dalam tempoh yang singkat.

RUMUSAN KAJIAN

Secara ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji ketidakakururan sivil dan pengaruhnya terhadap profesionalisme anggota PDRM. Antara persoalan kajian yang cuba dirungkaikan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti pengaruh antara faktor ketidakakururan sivil dengan profesionalisme anggota PDRM.

Tingkah laku penyalahgunaan kuasa, kelewatan tindakan dan kekerasan melampau boleh menyebabkan masyarakat menilai tahap profesionalisme anggota polis yang rendah adalah seperti mengambil tindakan sesuka hati, mempunyai kuasa yang besar, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan menganiaya orang lain. Oleh itu anggota polis perlu berhati-hati dalam tindakan tersebut. Jika faktor ketidakakururan sivil ini masih berterusan ianya akan menyebabkan aspek kepakaran, autonomi, komitmen dan sikap bertanggungjawab anggota polis umumnya akan di pandang rendah oleh masyarakat. Justeru, implikasinya anggota polis sukar untuk menjalankan tugas mereka kerana kepercayaan masyarakat terhadap profesionalisme mereka semakin merosot ataupun terhakis.

Kajian ini memberikan peluang kepada pihak pengurusan PDRM untuk melihat dan mengkaji semula faktor ketidakakururan sivil iaitu

kelewatan tindakan, penggunaan kekerasan melampau dan penyalahgunaan kuasa yang mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap profesionalisme anggota polis semasa menjalankan tugas. Masyarakat sedar slogan yang menjadi asas kepada nilai-nilai murni PDRM ialah tegas, adil dan berhemah. Namun begitu, kajian ini mendapati hanya slogan tegas sahaja yang begitu menonjol diamalkan oleh anggota polis sehingga subjek kajian menilai anggota polis sebagai bersikap kasar dan garang. Sekiranya anggota polis dapat meningkatkan mutu komunikasi, pengkaji berpendapat sudah tentu slogan adil dan berhemah dapat menonjol seiring dengan slogan tegas seterusnya dapat memantapkan lagi profesionalisme anggota polis semasa menjalankan tugas.

RUJUKAN

- Adams, C. 2005. *Comments Made at the GTCE 'Battle of Ideas' Conference*, 29-30 Oktober. Akta Polis. 1967. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Barber, M. 2005. *Informed Professionalism: Realising the Potential*. Kertas kerja yang telah dibentangkan di Association of Teachers and Lecturers, London, 11 Jun.
- Brown, P. & Levinson, S.C. 1987. *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: CUP.
- Cervero, R.M. 1995. *An Overview of Continuing Education for the Professions in the United States of America*. Kertas Kerja Persidangan Continuing Professional Development: Towards Effective Practice, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Cervero, R.M. 1988. *Effective Continuing Education for Professionalism*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Esah Sulaiman. 2003. *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fatimah wati Halim. 2012. *Pengaruh Personaliti, Motivasi Pencapaian dan Efikasi Kendiri Terhadap Prestasi Kerja: Pengujian Model*

- Peramal Prestasi Kerja.* Tesis Dr. Fal. Program Psikologi, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- INTAN. 1996. *Panduan Etika Kerja Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.* Kuala Lumpur: SPA.
- Martin C.A. 2005. *From High Maintenance To High Productivity: What Managers Need To know About Generation Y.* Industrial and Commercial Training, Vol. 37, Iss: 1: 39 – 44.
- Minit Mesyuarat Pegawai Kanan - Kod Etika PDRM. 2001. Bukit Aman, Kuala Lumpur, 21 Julai.
- Mohd Tap Salleh. 2007. *Rencana: Mencari Persepsi Integriti:* Utusan Online. 14 Ogos 2007.http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0814&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm [20 Februari 2013].
- Nayman, O.B. 1973. Profesional Orientations of Journalists: An Introduction To Communicators Analysis Studies. Gazette XIX: 195-212. Dlm. Mohd Helmi Abd Rahim & Lau Seng Yee. 1992. *Profesionalisme dalam Perkhidmatan Akaun Agensi-Agenzi Pengiklanan di Malaysia: Suatu Kajian Awal dengan Menggunakan Indeks Profesional Mcleod dan Hawley.* Jurnal Komunikasi 8 :11 – 26.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2007. *Penghayatan Nilai Murni Menjana Prestasi Penjawat Awam.* http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1468&cmd=resetall [4 Januari 2013].
- Olweus, D. 1993. Victimization by Peers: Antecedents and Long-Term Outcomes. Dlm. K.H. Rubin & J.B. Asendorpf (Eds), *Social Withdrawal, Inhibition and Shyness in Childhood.* Hillsdale, NJ: Erlbraum.
- Rawls, J. 1971. *A Theory of Justice.* Massachusetts: Belknap Press.
- Scott, R. & Meyer, J. 1983. The Organization of Societal Sector. Dlm. Meyer, J. & Scott,R. (Pnyt). *Organizational Environments: Ritual and Rationality.* Newbury Park: Sage.
- Schaefer, E.J. 1982. *An Analysis of the Discourse and Syntax of Oral Complaints in English.* Los Angeles: University of California.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain. 2009. *Pengukuhan Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam ke Arah Efektif Governan di Malaysia: Pengukuhan Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam ke Arah Efektif.* Jurnal Syariah 17 (3): 559-592.
- Smith, W. 2004. *Democracy, Deliberation and Disobedience.* Res Publica 10: 353-377.
- Sufean Hussein. 1996. *Pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SUHAKAM. 2013. *Laporan Tahunan SUHAKAM 2006-2012.* http://www.suhakam.org.my/annual_report [20 Februari 2013].

- Van Maanen, J. 1973. *Observations on the Making of a Policeman*. Human Organization 32: 407-18.
- Zawiyah & Mohammad Agus. 2012. *Ketidakakururan Sivil dan Kesannya ke atas Pendemokrasian di Era Abdullah Badawi*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies 39 (1) :1-23.